

Awang Ismail Haji Kabon juara jetski

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

MUARA, Ahad, 15 Mac. - Awang Ismail bin Haji Kabon muncul juara pada Kejohanan Perlumbaan Jetski Brunei Darussalam 2015 bagi Kategori 'A' untuk Kelas 1200cc ke bawah 15 pusingan sekali gus membawa hadiah berupa wang BND400 berserta plak.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Haji Shahadan bin Abdol dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Baharuddin bin Zaimuddin.

Dalam Kategori 'B', tempat pertama dimenangi oleh Awang Abd. Aziz Hanafi bin Ismail dengan menerima wang tunai BND500 berserta plak, sementara tempat kedua dimenangi oleh Awang Haji Idzam Norhaidi bin Haji Mashud dan tempat ketiga jatuh kepada pelumba Awang Zul Iskandar bin Abdullah.

Manakala bagi Kategori 'C' Kelas Terbuka, juara perlumbaan dimenangi oleh Christopher Keasberry diikuti

tempat kedua oleh Awang Md. Faizun bin Zaini dan tempat ketiga jatuh kepada Awang Haji Idzam Norhaidi bin Haji Mashud.

Hadir selaku tetamu kehormat yang kemudiannya menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama S-Superfast Event Management Services tersebut disertai oleh 16 pelumba dan disempenakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, 2015.

Antara tujuan kejohanan tersebut adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru yang berpotensi untuk diketengahkan dalam perlawanan



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyampaikan hadiah tempat pertama Kategori 'A', Awang Ismail bin Haji Kabon pada Kejohanan Perlumbaan Jetski Brunei Darussalam 2015.

sukan jetski selain untuk mempromosi sukan berkenaan untuk diceburi oleh para peminat sukan ekstrem tanah air.

UNISSA berjaya kutip BND3,935.51 melalui pelbagai aktiviti

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menyertai sesi pemanasan badan sebelum memulakan walkaton.

TUNGKU, Jumaat, 13 Mac. - Sejumlah BND3,935.51 telah berjaya dikutip melalui Walkaton Amal, Sukan Tahunan dan Hari Usrah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dirasmikan hari itu.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 25 peratus dimasukkan ke dalam tabung Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan baki 25 peratus untuk tabung Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa universiti tersebut.

Pada Majlis Perasmian Sukan Tahunan, Hari Usrah UNISSA dan Walkaton Amal yang berlangsung di Taman Agro Teknologi, majlis diselenggarakan dengan penyerahan derma kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi mangsa banjir di Negeri Pantai Timur Malaysia yang diserahkan oleh Exco Unit Kerjaya dan Kesusahawanan, Muhammad Afceff bin Haji Mashor.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku dan diteruskan dengan takziah Subuh bertajuk 'Riadah dan Sedekah'.

Sebelum memulakan walkaton menuju ke Taman Agro Teknologi, sesi pemanasan badan diadakan di kawasan masjid tersebut.



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan menyertai walkaton yang bermula di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik dan berakhir di Taman Agro Teknologi.

Lebih 100 sertai Kejohanan Dressage and Show Jumping BEQ

JERUDONG, Ahad, 8 Mac. - Lebih 100 peserta menyertai Kejohanan Dressage and Show Jumping Pusat Equestrian Brunei Sdn. Bhd. (Brunei Equestrian Centre - BEQ) yang diadakan di pusat berkenaan, di sini.

Antara acara yang dipertandingkan dalam Kategori Dressage tersebut ialah Introduction (Junior), Introduction I (Junior), Introduction II (Junior), Preliminary (Junior), Preliminary (Senior), Novice (Junior), Novice (Senior) dan Elementary dengan disertai oleh 60 peserta.

Sementara bagi acara Show Jumping menyaksikan seramai 48 penyertaan dalam beberapa kategori antaranya Introduction I Walk & Trot, Introduction II 30 / 40cm (Junior), Preliminary 40 / 50cm (Junior), Preliminary 40 / 50cm (Senior), Novice 60 / 80cm, dan Open Class 80 / 100cm.

Pada acara Dressage bagi Kategori Introduction I (Junior), Aama Mohanty dari BSRC muncul sebagai juara sementara rakan sepasukannya Khaled Ali memenangi bagi Kategori Introduction II (Junior).

Kategori Preliminary (Junior), juara disandang oleh Malu Broberg Olsen dari BEQ, manakala bagi acara Preliminary (Senior) juga dimenangi oleh BEQ menerusi Anette Mack.

Dalam acara Novice (Junior) Willy Wee yang mewakili BEQ berjaya menduduki tempat pertama, sementara bagi Novice (Senior), juara disandang

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



DATO Seri Laila Jasa Awang Ahmad bin Dato Paduka Matnor ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Show Jumping Kategori Wanita pada Kejohanan tersebut.

oleh Anna Coyajee dari BSRC manakala pada Kategori Elementary pula johan pertandingan disandang oleh Franziska Krauss dari BEQ.

Bagi acara Show Jumping pula, juara bagi Kategori Introduction I Walk & Trot disandang oleh Iona Murison dari BEQ dengan mencatat masa 2 minit 11 saat, manakala menduduki

tempat pertama bagi acara Introduction II 30 / 40cm (Junior) dijuarai oleh Dayang Halimatul Syuhrah binti Musa dari BEQ dengan masa 1 minit 28.69 saat.

Menjuarai bagi Kategori Preliminary 40 / 50cm (Junior) pula disandang oleh peserta dari BEQ menerusi Nikolai Maxime Theodore Paderin dengan catatan masa 1 minit 30 saat, sementara bagi Kategori Preliminary 40 / 50cm (Senior) pula juara disandang oleh Anette Mack dari BEQ dengan mencatat masa 1.3238 saat.

Manakala Kategori Novice 60 / 80cm juara jatuh kepada peserta dari BEQ, Awang Muhammad Damish Danial Haji Alifan dengan catatan masa 1 minit 11.69 saat.

Sementara bagi acara Walk the Course dalam Open Class 80 / 100cm menyaksikan peserta dari BEQ, Annika Murison muncul sebagai juara dengan catatan masa 1 minit 29.06 saat, dan bagi Kategori Open Class 80 / 100cm juara disandang oleh Maks Kokon dari BEQ dengan masa 1.0125 saat.



ANTARA peserta junior yang menyertai pertandingan tersebut.

